



PELUANG KERJAYA DI LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

Pemohon adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia yang berkelayakan** bagi mengisi jawatan di Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) seperti yang berikut:

- (i) **PENOLONG PENDAFTAR (PEMBANGUNAN PROFESIONAL) GRED 41/44 (TERBUKA);**
- (ii) **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19; DAN**
- (iii) **PENOLONG PENYELIDIK/ SISWAZAH PENYELIDIK (Sambilan).**

CARA-CARA MEMOHON

Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan berserta (1) salinan *curriculum vitae* (CV) terkini ke alamat emel hr@mbot.org.my

LOKASI PEJABAT

Wilayah Persekutuan Putrajaya/ Cyberjaya

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **21 Jun 2019 (Jumaat)**. Permohonan yang lewat diterima daripada tarikh yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian **03-8800 8385/ 6268** dan berhubung dengan pegawai-pegawai berikut:

- (i) YBrs. Ts. Asma Hanim binti Ahmad Sajuri
E-mel: s.asma@mbot.org.my

- (ii) Encik Mohamad Safwan bin Mustafar
E-mel: m.safwan@mbot.org.my

SYARAT-SYARAT UTAMA PERMOHONAN MENGIKUT JAWATAN

PENOLONG PENDAFTAR (PEMBANGUNAN PROFESIONAL) GRED 41/44 (TERBUKA)

1. Maklumat Perjawatan

- (i) Jawatan : Penolong Pendaftar
- (ii) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (iii) Klasifikasi Perkhidmatan : Terbuka
- (iv) Taraf Jawatan : Kontrak

2. Jadual Gaji

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
44	3,605.00	10,530.00	250.00
41	2,422.00	9,631.00	225.00

3. Elaun dan Kemudahan

- (i) Elaun : Kadar bayaran elaun adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang masih berkuat kuasa
- (ii) Kemudahan : Kemudahan adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang masih berkuat kuasa

4. Syarat-Syarat Lantikan

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi umur 56 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Kelayakan masuk:

- (a) Sekurang-kurangnya memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang teknologi/ pengurusan projek/ kejuruteraan/ komunikasi/ multimedia/ statistik atau setara dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (b) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (c) Syarat Bahasa Malaysia - calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keputjian (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (d) Syarat Lantikan Tambahan - berkebolehan bertutur dengan **fasih dan menulis dengan baik** dalam **Bahasa Inggeris**; dan
- (e) Calon yang mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan, **boleh bekerja dalam kumpulan, teliti** dan mempunyai kemahiran komunikasi yang **baik** serta bersedia menjalankan arahan **kerja lebih masa** akan diberi keutamaan untuk dipanggil dalam sesi temuduga.

5. Fungsi/ Bidang Tugas

- (i) Melaksanakan tugas-tugas di Bahagian Pembangunan Profesional (BPP);
- (ii) Membantu Timbalan Pendaftar merancang, mengurus dan melaksanakan strategi untuk memastikan kualiti profesion teknologi dan juruteknik;
- (iii) Membantu dalam membangun dan melaksanakan strategi untuk menjana sumber pendapatan MBOT;
- (iv) Mengendalikan urusan merekodkan aktiviti/program dijalankan di bawah BPP;

- (v) Bertindak sebagai *focal point* dalam penyampaian dan penyebaran maklumat secara dalaman dan kepada Panel Pakar Teknologi (TEP) serta organisasi yang berpotensi dilantik sebagai TEP;
- (vi) Bertindak sebagai pegawai perhubungan TEP serta bertanggungjawab mengendali menguruskan Memorandum Persefahaman (MoU) MBOT;
- (vii) Merancang dan melaksanakan program perhubungan TEP MBOT;
- (viii) Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa berkaitan di bawah MBOT;
- (ix) Membantu pelawat mendapatkan dan menyalurkan semula maklumat dan maklum balas berkaitan operasi dan fungsi serta peranan MBOT;
- (x) Bertugas di pameran-pameran yang melibatkan MBOT;
- (xi) Bertanggungjawab mengawasi disiplin kakitangan bawahan
- (xii) Membantu dalam penyediaan bahan-bahan di galeri pameran;
- (xiii) Membantu mengedarkan risalah MBOT dan memberi penerangan berkenaan MBOT dalam pameran;
- (xiv) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19**1. Maklumat Perjawatan**

- (i) Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian/Operasi)
- (ii) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (iii) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
- (iv) Taraf Jawatan : Kontrak

2. Jadual Gaji

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
N19	1,352.00	4,003.00	100.00

3. Elaun dan Kemudahan

- (i) Elaun : Kadar bayaran elaun adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang masih berkuat kuasa
- (ii) Kemudahan : Kemudahan adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang masih berkuat kuasa

4. Syarat-Syarat Lantikan

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi umur 56 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) Kelayakan masuk:
- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau

- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80); dan
- (d) Syarat Bahasa Malaysia - calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (e) Calon yang mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan, **boleh bekerja dalam kumpulan, teliti dan bersedia menjalankan arahan kerja lebih masa** akan diberi keutamaan untuk dipanggil dalam sesi temuduga.

5. Fungsi/ Bidang Tugas

- (i) Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas bahagian yang berkenaan;
- (ii) Membantu menyemak, memproses, menyediakan, mengendali dan menghantar sijil-sijil dan kad-kad keahlian yang berkaitan dengan semua permohonan Teknologis Berijazah, Juruteknik Berkelayakan, Teknologis Profesional dan Juruteknik Bertauliah;
- (iii) Membantu dalam proses pembersihan data bagi penyediaan kad keahlian MBOT;
- (iv) Menguruskan penetapan hari kutipan mel & kurier dengan Pos Malaysia;
- (v) Melaksanakan urusan penghantaran dan penghantaran semula bagi mel & kurier yang dikembalikan kepada MBOT;

- (vi) Membantu menjawab dan memberi maklum balas bagi setiap pertanyaan dan aduan;
- (vii) Membantu mengemas kini maklumat pemohon pada sistem dalam talian MBOT;
- (viii) Membantu pelawat mendapatkan dan menyalurkan semula maklumat dan maklum balas berkaitan operasi dan fungsi serta peranan MBOT;
- (ix) Bertugas di pameran-pameran yang melibatkan MBOT;
- (x) Membantu dalam penyediaan bahan-bahan di galeri pameran;
- (xi) Membantu mengedarkan risalah MBOT dan memberi penerangan berkenaan MBOT dalam pameran; dan
- (xii) menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

PENOLONG PENYELIDIK/ SISWAZAH PENYELIDIK**1. Maklumat Perjawatan**

- (i) Jawatan : Penolong Penyelidik
(ii) Kumpulan Perkhidmatan : Penyelidikan & Pembangunan
(iii) Klasifikasi Perkhidmatan : Terbuka
(iv) Taraf Jawatan : Kontrak & Sementara

2. Elaun/Gaji

LANTIKAN	KELAYAKAN	GAJI/ELAUN
Penolong Penyelidik	Ijazah Sarjana Muda	RM2,200.00
	Ijazah Sarjana	RM2,500.00
	PhD	RM3,000.00
Siswazah Penyelidik (Pelajar latihan industri)	Ijazah Sarjana	RM2,000.00
	PhD	RM2,500.00

3. Syarat-Syarat Lantikan

- (i) Warganegara Malaysia;
(ii) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi umur 56 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
(iii) Kelayakan masuk:
(a) Sekurang-kurangnya pelajar latihan industri yang sedang mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana/ PhD dalam bidang komunikasi/ teknologi/ pengurusan projek/ kejuruteraan/ multimedia/ statistik atau setara dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (b) Sekurang-kurangnya memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang komunikasi/ teknologi/ pengurusan projek/ kejuruteraan/ multimedia/ statistik atau setara dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (c) ijazah sarjana dalam bidang komunikasi/ teknologi/ pengurusan projek/ kejuruteraan/ multimedia/ statistik atau setara dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (d) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang komunikasi/ teknologi/ pengurusan projek/ kejuruteraan/ multimedia/ statistik atau setara dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (e) Syarat Bahasa Malaysia - calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (f) Syarat Lantikan Tambahan - berkebolehan bertutur dengan fasih dan menulis pelaporan dengan baik dalam **Bahasa Inggeris**; dan
- (g) Calon yang mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan, **boleh bekerja dalam kumpulan, teliti** dan mempunyai kemahiran penulisan dan komunikasi yang **baik** serta bersedia menjalankan arahan **kerja lebih masa** akan diberi keutamaan untuk dipanggil dalam sesi temuduga.

4. Fungsi/ Bidang Tugas

- (i) Membantu membangunkan model untuk pembangunan masa depan bagi sistem profesion teknologi dan teknikal;

- (ii) Membantu menjalankan kerja-kerja kajian dan penyelidikan berkaitan profesionalisme teknologis dan juruteknik;
- (iii) Menyediakan laporan atau penulisan kajian dan penyelidikan yang berkaitan;
- (iv) Bertindak sebagai urus setia bagi bengkel-bengkel kajian dan penyelidikan yang berkaitan;
- (v) Membantu menyediakan draf dan laporan akhir kajian dan penyelidikan yang berkaitan;
- (vi) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.